



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 CyberJaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000  
Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

**Untuk Siaran Segera**

### **MCMC, PASUKAN POLIS MARIN RAMPAS 11 PARABOLA DAN DEKODER**

**BUTTERWORTH, 31 Julai 2015 ---** Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan kerjasama Pasukan Polis Marin berjaya merampas sebanyak 11 buah parabola dan dekoder dalam satu operasi bersepadu bagi membanteras pemilikan parabola di pesisir pantai Kuala Kurau, Perak pada Rabu lalu.

Operasi bersepadu tersebut telah diketuai oleh Ketua Unit Pematuhan Kawal Selia Pejabat MCMC Wilayah Utara, Puan Hanita Izam Abdul Rahman dan Pegawai Risik Operasi Pasukan Polis Marin, ASP Rohizan Mohamad Said dengan dibantu oleh 35 orang pegawai yang bertugas.

Operasi itu juga merupakan kerjasama sulung antara MCMC dan Polis Marin dalam memantau dan mengawal penggunaan sistem TVRO khususnya parabola memandangkan ia merupakan barang kawalan.

Penganjuran operasi bersepadu itu bertujuan untuk mengelakkan pihak-pihak tertentu daripada menggunakan sistem tersebut kerana pemilikan parabola di negara ini adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 239 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen 239 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Di bawah Seksyen 239 AKM 1998, mana-mana individu yang didapati menggunakan peralatan atau peranti bukan standard atau memiliki peralatan bukan standard untuk tujuan memasang atau menggunakan peranti tersebut, adalah salah di sisi undang-undang.

Sabit kesalahan, mereka yang terlibat boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**

Malaysian Communications and Multimedia Commission

Off Persiaran Multimedia

63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan

Malaysia

Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000

Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

Untuk maklumat lanjut, layari [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my) dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: [scd@cmc.gov.my](mailto:scd@cmc.gov.my)